



TEKS UCAPAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KHAS DAN SUMBANGAN
TAHUNAN HARI RAYA KEPADA PEMANDU TEKSI DAN KERETA
SEWA MELAKA SENTRAL
19 MEI 2020 (SELASA), MASA: 1430 PETANG
RUANG LEGAR UTAMA ZON B TERMINAL MELAKA SENTRAL
(WAKIL: YB DATUK ROSLAN AHMAD)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan

Salam sejahtera

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Wira Haji Hasnoor bin Sdg Husin.

Pengerusi Lembaga Pengarah MSSB;

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah MSSB;

Tuan Haji Abu Bakar bin Jani,
Pengurus Besar MSSB

Encik Zulkifle bin Baharom,
Yang Dipertua Gabungan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa
Melaka Sentral;

Encik Abdul Nasir bin Daud,
Persatuan Pemilik Dan Pemandu Kereta Sewa/Teksi Melayu
Melaka (Pekasatim);

Encik Ismail bin Ab Rahman,
Persatuan Kebajikan Pemandu-Pemandu Kereta Sewa Dan
Teksi Perbandaran Melaka;

Encik Lim Kim Lian
Kesatuan Tuan-Tuan Empunya Kereta Sewa Negeri Melaka;
Encik Osman bin Baba

Persatuan Pemilik Dan Pemandu Kereta Sewa Melaka Sentral
(Perkemas);

Kakitangan & Pengurusan Melaka Sentral Sdn Bhd;

Tuan-tuan dan Puan-puan, Hadirin Hadirat sekalian.

1. Terlebih dahulu, masih belum terlambat saya ingin mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa dalam suasana norma baharu ini. Saya juga berharap kita sentiasa mematuhi

saranan Kerajaan dengan mengambil langkah-langkah pencegahan melalui Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

2. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana pada hari ini, kita diberi kelapangan waktu untuk bersama-sama di Majlis Penyampaian Bantuan Khas dan Sumbangan Tahunan Hari Raya kepada Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Di Melaka Sentral.

Tuan-tuan dan puan-puan;

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

3. Kita semua sedia maklum bahawa sektor pelancongan merupakan penyumbang industri utama kepada negeri Melaka. Namun, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dari fasa pertama sehingga fasa keempat ini telah mengakibatkan semua sektor ditutup berikutan usaha bagi membendung berlakunya penularan wabak COVID-19.

4. Kini, status telah bertukar menjadi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) fasa kelima. Rentetan itu, kebanyakan sektor telah dibenarkan beroperasi secara berperingkat. Namun, pelancong domestik mahupun antarabangsa masih tidak dibenarkan lagi memasuki negeri Melaka.

5. Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri Melaka sentiasa prihatin dan peka terhadap kebajikan pemandu teksi mahupun kereta sewa berikutan sumber pendapatan yang terhad sepanjang tempoh PKP dan PKPB dilaksanakan.

6. Kerajaan Negeri turut memahami akan kekangan sumber pendapatan yang berlaku disebabkan tidak mempunyai pendapatan tetap dan hanya bergantung kepada jumlah pendapatan melalui tambang sahaja. Lebih-lebih lagi, disebabkan tiada pergerakan yang banyak di dalam negeri ini, telah turut menjejaskan pendapatan tuan-tuan dan puan-puan sekalian kerana tiada pelanggan yang akan melanggan teksi mahupun kereta sewa sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

7. Natijahnya, saya percaya bahawa golongan ini memerlukan bantuan dan perhatian dari segi sumber kewangan atau pelbagai bentuk bantuan bagi menampung kelangsungan sara hidup sekali gus memastikan kesejahteraan dan kebajikan terjaga. Lebih-lebih lagi, saya dimaklumkan kebanyakan pemandu teksi bernaung di bawah Persatuan Kereta Sewa atau Teksi berbanding bekerja secara bersendirian.

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

8. Saya difahamkan pelbagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah dijalankan oleh pihak Melaka Sentral Sdn Bhd mulai tahun 2009 dan usaha murni ini masih diteruskan sehingga kini. Tanggungjawab yang dijalankan antaranya ialah dengan menyediakan perlindungan Skim Insurans Berkelompok dan Khairat Kematian kepada seramai 140 orang ahli yang dilindungi.

9. Melalui Skim Perlindungan Insurans Berkelompok ini, terdapat seramai 22 orang balu atau pewaris yang telah

menerima pampasan berjumlah **RM239,000.00** sejak dari tahun 2009 sehingga kini. Pembayaran pampasan ini adalah mengikut had umur pemandu dan jenis penyakit yang telah menyebabkan kematian.

10. Saya juga difahamkan bahawa majlis ini turut meraikan seramai 150 pemandu teksi dan kereta sewa di Melaka Sentral dengan sumbangan tunai sebanyak RM100.00 dan sekampit beras setiap seorang. Kerajaan Negeri Melaka berharap bantuan ini, sedikit sebanyak mampu mengurangkan beban

sempena menyambut ketibaan Syawal yang bakal menjelang tidak lama lagi.

11. Sehubungan itu, saya juga berharap agar semua pemandu teksi dan kereta sewa di Melaka Sentral khususnya, dapat memberi kerjasama dalam semua aktiviti yang melibatkan sistem pengangkutan dan kebajikan pemandu. Bukan itu sahaja, saya juga mengharapkan agar semua pemandu sentiasa menjaga kebersihan pengangkutan masing-masing berikutan penularan wabak COVID-19 ini.

12. Saya menggesa dan berharap agar kesemua pemandu teksi mahupun kereta sewa yang bergerak secara persendirian dan tidak mengikut peraturan perjalanan trip yang sistematik di Melaka Sentral supaya dapat bersama-sama bernaung di bawah pentadbiran Melaka Sentral.

13. Saya percaya dengan adanya sistem pengurusan yang lebih teratur dan sistematik dapat memastikan kebajikan pemandu terus terjaga di samping mempamerkan imej yang baik kepada kerajaan negeri Melaka.

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

14. Kepada semua pemandu mahupun kakitangan Melaka Sentral, saya menyeru agar mengambil langkah-langkah pencegahan dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Mulai sekarang, biasakanlah budaya 'Norma Baharu' dalam kehidupan kita semua. Ingat, sentiasalah menggunakan pelitup muka (face mask), mencuci tangan atau memakai cecair pembasmi kuman (hand sanitizer) dengan kerap untuk mengelakkan penularan virus ini. Kita juga perlu

sentiasa mengamalkan penjarakan sosial walaupun dimana anda semua berada.

15. Pada kesempatan ini, saya mewakili YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Melaka ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.

*Gemersik takbir mengundang hiba,
Ramadan pergi menjadi ingatan,
Syawal dinanti menjelang tiba,
Selamat menyambut hari lebaran.*

16. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, sukacita saya merasmikan Majlis Penyampaian Bantuan Khas dan Sumbangan Tahunan Hari Raya kepada Pemandu Teksi dan Kereta Sewa pada petang ini.

#Kawalan Diri

#StayHome

#MelakaMestiMenangCovid-19

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.